

Muhyiddin, Mukhriz sertai parti lain?
Free Malaysia Today
Jun 27, 2016

Muhyiddin dan Mukhriz masih berteka-teki sama ada akan menyertai parti politik lain atau menubuhkan parti baharu.

KUALA LUMPUR: Persoalan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang dipecat daripada UMNO Jumaat lepas akan menyertai parti lain, wujud apabila mereka mengaku menerima tawaran dari parti politik tertentu.

Namun, Muhyiddin menegaskan perkara itu sedang difikir secara mendalam oleh beliau dan Mukhriz.

“Saya dan Mukhriz akan membuat keputusan yang amat besar dalam sejarah hidup kami,” katanya dalam sidang media yang turut dihadiri Mukhriz, lapor Bernama.

Muhyiddin tidak menolak beliau akan terus meneruskan perjuangan politik menerusi platform politik baharu tetapi tidak menjelaskan secara lanjut platform baharu yang dirancang akan digunakan kelak.

Muhyiddin dan Mukhriz masih berteka-teki sama ada akan menyertai parti politik lain atau menubuhkan parti baharu.

Bekas Timbalan Presiden UMNO itu juga berkata, beliau dan Mukhriz masih berbincang tentang hal tersebut dan mendapat pandangan pelbagai pihak untuk menentukan hala tuju mereka dalam politik.

Jumaat lepas, Majlis Tertinggi UMNO memutuskan untuk memecat Muhyiddin dan Mukhriz daripada parti itu manakala Naib Presiden Datuk Seri Mohd Shafie Apdal digantung keahlian.

Ditanya tempoh masa untuk menentukan platform baharu itu, Muhyiddin bagaimana pun tidak dapat menyatakannya kerana perlu memikirkan secara mendalam dalam konteks negara pada hari ini.

“Kalau setakat tubuh parti baharu, hari ini pun boleh tubuh tapi ia bukan hanya soal tubuh parti, ini bukan sebab saya atau Mukhriz, ini soal negara, apa nak difikirkan adalah hala tuju negara,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/27/muhyiddin-mukhriz-sertai-parti-lain/>